# DAP repot Mahathir pandu Proton Saga tanpa cukai jalan

UM 5 AUG 1985

PULAU PINANG 4 Ogos – Seorang pengerusi DAP di sini membuat repot kepada polis meminta supaya tindakan diambil terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir kerana memandu kereta Proton Saga yang tidak mempunyai cukai jalan dan insurans menyeberangi jambatan Pulau Pinang dengan isterinya semalam yang merupakan satu kesalahan di bawah ordinan lalu lintas.

Polis mengesahkan tentang adanya repot daripada Chew Seng Poh, pengerusi DAP cawangan Sungai Pinang itu.